

# PM: Pastikan Israel dihalau dari Gaza

Oleh HATA WAHARI

KUALA LUMPUR 8 Jan. - Sebarang resolusi oleh Perhimpunan Agung Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam sidang khasnya esok (kira-kira 5.30 pagi waktu Malaysia) di New York, perlu memastikan Israel dipaksa keluar dari Gaza.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Amerika Syarikat (AS) tidak hams menghalang sebarang usul bakal menyen-tuh Israel yang telah menyerang Semenanjung Gaza sejak 27 Disember lepas kerana ia adalah kehendak masyarakat dunia.

Beliau berkata, dalam hubungan ini, Malaysia akan terlibat dalam mendraf usul tersebut kerana menjadi tradisi negara yang mengusulkan diada-kan perhimpunan agung khas itu, mendapat keis-timewaan tersebut.

"Usul itu nanti perlu memastikan Israel dihalau keluar dari Semenanjung Gaza dan jangan seka-li-sekali hanya mensyaratkan Hamas untuk tidak menyerang Israel.

"Apabila perkara-perkara ini diterima, barulah gencatan senjata dapat dilaksanakan dengan jayanya bagi memastikan keamanan di Palestin," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kampus uta-ma Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negara

(IDFR) di sini hari ini.

Semalam, Presiden Perhimpunan Agung Khas PBB, Miguel D'Escoto dari Nicaragua telah melu-luskan permohonan dari Malaysia dan Brazil un-tuk mengadakan perhimpunan agung khas di bawah Resolusi 377 mengenai Palestin.

Surat untuk mengadakan perhimpunan agung khas itu telah diedarkan kepada semua wakil tetap negara-negara anggota PBB yang akan diadakan pada 5.30 petang waktu New York hari ini (waktu Malaysia 5.30 pagi esok).

Abdullah menegaskan, sekatan terhadap Israel termasuk sekatan ekonomi perlu diputuskan oleh PBB memandangkan tindakan negara Zionis itu melakukan-kekejaman di Palestin tidak boleh diterima.

Katanya, Malaysia juga berpendirian bahawa Palestin tidak boleh dipecahkan kepada dua iaitu Semenanjung Gaza dan Tebing Barat.

"Kewujudan Palestin sebagai sebuah negara juga perlu diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa de-ngan sempadan ditetapkan di antara Palestin dan Israel," katanya.

Beliau menambah, masalah yang dihadapi seka-rang ialah Israel hanya mematuhi apayang diarah-kan oleh AS dan berharap negara itu tidak akan menghalang sebarang usul keras terhadap rejim Zioais tersebut.